

# Untung bersih Scientex meningkat 60.8 peratus

**Keuntungan** bersih Scientex Bhd melonjak 60.8 peratus tahun ke tahun kepada RM133.40 juta bagi suku keempat berakhir 31 Julai, 2019 berikutan penjualan yang lebih baik daripada perniagaan terasnya dalam pembangunan hartanah dan pembuatan.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, syarikat itu berkata jumlah perolehan mencecah RM938.77 juta, menokok 30.3 peratus daripada RM720.72 juta pada tahun lalu.

Scientex yang menghasilkan produk filem regangan perindustrian dan pembungkusan plastik fleksibel meningkatkan perolehan dalam pembuatan sebanyak 19.6 peratus kepada RM630.3 juta dalam suku yang dikaji.

Perolehan dalam bidang hartanah bagaimanapun menokok 59.2 peratus kepada RM308.5 juta.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2019, syarikat itu menyaksikan peningkatan keuntungan bersih 17.3 peratus kepada RM333.70 juta berbanding RM284.51 juta sebelum ini, manakala perolehan naik 24.8 peratus kepada RM3.25 bilion daripada RM2.60 bilion.

Scientex mencadangkan dividen akhir 10 sen sesaham untuk dibayar pada 10 Januari 2020.

Dalam kenyataan berasingan, Pengarah Urusan Lim Peng Jin berkata dalam keadaan pasaran domestik dan antarabangsa yang suram, kumpulan itu mencatat prestasi terbaik, didorong peningkatan dua angka menerusi inisiatif pertumbuhan organik dan langkah bukan organik strategik.

“Segmen pembuatan kami dibina daripada kekuatan kepada kekuatan, didorong kecakapan pembuatan dan inovasi produk.

“Pada masa yang sama, segmen pembangunan hartanah kami terus mencatat prestasi memberangsangkan, disokong oleh permintaan berdaya tahan bagi rumah mampu milik di Semenanjung dan langkah mempercepat pemilikan rumah di seluruh negara yang akan merangsang permintaan ke atas rumah mampu milik,” katanya.

BERNAMA

Fakta Nombor

**RM938.77**

juta

perolehan Scientex Bhd